

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

## NADMA bentang SOP hadapi musim tengkujuh

**Kuala Lumpur:** Prosedur operasi standard (SOP) pengurusan bencana ketika pandemik COVID-19 diumumkan semalam sebagai persiapan menghadapi musim tengkujuh dan kemungkinan banjir di beberapa negeri, khususnya Pantai Timur.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri, berkata SOP dibentangkan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) itu, merangkumi pengurusan sebelum, semasa dan selepas operasi, bagi meminimumkan risiko penularan wabak dalam kalangan mangsa banjir dan petugas pengurusan bencana.

SOP itu juga menggariskan beberapa kaedah baharu dalam penetapan dan pengendalian pusat pemindahan sementara (PPS) bagi mangsa banjir, yang sebelum ini tidak mengambil kira aspek penjarakan fizikal.

Antara SOP itu, katanya, PPS boleh dibuka di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan ia perlu dilengkapi kod QR MySejahtera yang perlu digunakan setiap petugas serta mangsa banjir.

"Setiap PPS perlu di disinfeksi sebelum menerima mangsa banjir, dan perlu menyediakan peralatan mencukupi termasuk pelitup muka, cecair pembasmi kuman, penyukat suhu dan kelengkapan perlindungan diri (PPE).

"PPS juga perlu dibiarkan terbuka untuk peredaran udara, manakala proses pemindahan mangsa ke PPS perlu mematuhi Garis Panduan Pengurusan PPS semasa COVID-19 dan mengikut nasihat Kementerian Kesihatan (KKM).

"Sajian makanan pula hanya dalam bungkusan dan setiap mangsa dipindahkan ke PPS perlu disaring dan kemudian ditempatkan dengan mematuhi aspek penjarakan fizikal.

"Untuk memastikan penjarakan fizikal dapat dipatuhi, NADMA perlu memperbanyakkan jumlah atau premis yang digunakan untuk menempatkan mangsa," katanya semalam.

Mengulas lanjut, Ismail Sabri berkata, mangsa banjir dibekalkan pelitup muka dan perlu memakainya pada setiap masa.

Bagi mangsa banjir bergejala, akan dirujuk ke klinik kesihatan dan jika negatif, mereka akan diasingkan di ruang khas.

"Bagi pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang ingin menyalurkan bantuan mereka dinasihatkan menghubungi Pusat Pengurusan Bencana Daerah bagi tujuan penyaluran," katanya.

Maklumat lanjut boleh dirujuk di laman web NADMA dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

# PKPB tamat awal jika lekuk penularan diratakan

## KKM lihat ada petanda positif, kadar jangkitan menurun

Oleh Suzalina Halid dan Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** "Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di hampir semua negeri Semenanjung hingga 6 Disember ini boleh ditamatkan lebih awal jika negara dapat meratakan lekuk penularan COVID-19," kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Sekiranya lekuk penularan dapat diratakan, tempoh PKPB boleh ditamatkan dalam masa dua minggu sahaja. Malah, Kementerian Kesihatan (KKM) melihat adanya petanda positif apabila kadar jangkitan dilihat semakin menurun, termasuk kes di Sabah yang menurun kepada 370 kes semalam.

"Kita mencadangkan PKPB berbanding Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berdasarkan penilaian semula kerana ia cara terbaik untuk menyeimbangkan antara ekonomi dan kesihatan.

"Justeru, semua pihak harus patuh terhadap saranan dan nasihat Kementerian Kesihatan, termasuk duduk di rumah kerana ia mengurangkan risiko jangkitan," katanya pada sidang

media semalam.

Dalam pada itu, katanya, kes harian COVID-19 yang dicatatkan kelmarin dan semalam di bawah unjuran kadar nilai kebolehsangkitan (Rt) atau R-naught (R0), iaitu 1.0. Kelmarin jumlah kes dilaporkan 852 kes, manakala semalam ialah 972 kes.

Berikutan itu, Dr Noor Hisham berkata, pihaknya perlu meningkatkan serta memperkukuhkan PKPB bagi menurunkan kadar kebolehsangkitan di lapangan.

"Ini adalah petanda positif kerana sebelum ini kita unjurkan bagi setiap 1,000 kes, sekiranya nilai R0 melebihi 1.0 jumlah kes akan meningkat melebihi 1,000 kes sehari. Bagi R0 2.0, ia akan meningkat 2,000 kes sehari. Namun kini selepas pelaksanaan PKPB, jumlah kes harian dilihat di bawah empat digit berbanding unjuran sebelum ini," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, jika dilihat angka semalam, empat negeri iaitu Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya dan Negeri Sembilan mencatat kes harian sebanyak 425 kes, lebih tinggi dari Sabah, 370 kes.

"Taburan kes di Selangor pula tidak tertumpu pada satu kawasan atau daerah. Taburan kes dilihat berselerak di Lembah Klang," katanya.

Sebelum ini, Dr Noor Hisham dilaporkan berkata, sekiranya nilai R0 di negara ini melebihi 1.0, beliau mengunjurkan kes harian akan meningkat kepada empat digit setiap hari.

Memperincikan kes baharu semalam, Dr Noor Hisham berkata,



## Kita cadangkan PKPB

**berbanding Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berdasarkan penilaian semula kerana ia cara terbaik untuk seimbangkan antara ekonomi dan kesihatan.**

**Dr Noor Hisham Abdullah, Pengarah Kesihatan**

daripada 972 kes, 967 kes adalah daripada penularan tempatan, manakala lima lagi adalah kes import mendapat jangkitan dari luar negara.

Pertambahan kes berkenaan menjadikan jumlah kumulatif kes di negara ini sebanyak 41,181 kes dengan jumlah kes aktif, iaitu 11,308 kes.

Daripada jumlah kes penularan tempatan itu, sebanyak 370 kes dari Sabah, iaitu 38.1 peratus, manakala 165 kes lagi atau 17

peratus dilaporkan di Lembah Klang.

Hingga jam 12 tengah hari semalam, sebanyak 1,345 kes dilaporkan pulih menjadikan jumlah keseluruhan kes pulih adalah 29,579 kes atau 71.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Dalam pada itu, lapan kes kematian dicatatkan semalam, termasuk seorang budak lelaki berusia setahun menjadikan jumlah kes keseluruhan sebanyak 294 atau 0.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Ada tiga kes kematian yang dilaporkan di Hospital Duchess of Kent di Sandakan, manakala dua kes dilaporkan di Hospital Queen Of Elizabeth di Kota Kinabalu dan masing-masing satu kes kematian di Hospital Tuaran, Hospital Labuan dan Hospital Trajaya.

Mengenai kluster, Dr Noor Hisham berkata, ada enam kluster baharu yang dikesan di Sabah, Selangor, Melaka, Johor dan Putrajaya.

Dua kluster dikesan di Sabah dinamakan sebagai Kluster Nambah di Kota Belud dan Kluster Numbak di Kota Kinabalu. Kluster yang dikesan di Klang, Selangor yang dikenali sebagai Kluster Perigi iaitu hasil saringan di tempat kerja.

"Kluster keempat, Kluster Terapi di Kepong, Kuala Lumpur dan Alor Gajah di Melaka. Bagi kluster kelima ia dikenali sebagai Kluster Padang yang dikesan di Kota Tinggi, Johor.

"Kluster keenam dikesan di Putrajaya dan dinamakan sebagai Kluster Harmoni hasil saringan di tempat kerja," katanya.

## Empat PKPD dilanjutkan, dua tamat

**Kuala Lumpur:** Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di beberapa lokaliti di Sabah, Selangor, Negeri Sembilan dan Sarawak dilanjutkan selama 14 hari lagi bermula hari ini bagi membolehkan pemantauan dan menyekat penularan COVID-19 kepada komuniti setempat.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, memaklumkan PKPD yang dilanjutkan adalah di Pangsapuri Mutiara Kasih dan Taman Khazanah Indah, Lahad Datu, Sabah, bermula hari ini hingga 23 November ini.

Selain itu, PKPD Plaza Hentian Kajang, Selangor (11 hingga 24 November), PKPD Putra Point, Nilai, Negeri Sembilan (11

hingga 24 November) dan PKPD Kampung Haji Baki di Kuching, Sarawak (11 hingga 24 November).

Sementara itu, dua PKPD yang ditamatkan adalah di FELDA Umas, Kalabakan yang berakhir semalam dan PKPD Flat Sungai Emas, Jalan Emas 31 dan Jalan Emas 32 di Kuala Langat yang tamat hari ini.

Ismail Sabri berkata, PKPD Pangsapuri Mutiara Kasih dan Taman Khazanah Indah yang bermula sejak 13 Oktober lalu, dilanjutkan lagi kerana penilaian risiko dilaksanakan Kementerian Kesihatan (KKM) mendapati masih ada peningkatan kes positif COVID-19 di kedua-dua lokaliti itu.

Katanya, PKPD Plaza Hentian

Kajang juga dilanjutkan kerana saringan secara bersasar di kawasan itu yang masih berterusan, masih ada peningkatan kes positif dikesan di lokaliti terbabit hingga kini.

"PKPD Putra Point pula terdapat dua lokaliti asrama pekerja (asrama) yang terbabit, iaitu di Jalan BBN 1/7A dan BBN 1/7B serta Jalan BBN 1/7E, dan saringan secara bersasar di kawasan itu yang masih berterusan mendapati masih terdapat peningkatan kes positif dikesan hingga kini.

"PKPD Kampung Haji Baki pula dilanjutkan kerana KKM masih menunggu keputusan saringan kedua COVID-19 yang dilaksanakan.

"Jika keputusan saringan ke-

dua COVID-19 mendapati tiada kes positif serta atas nasihat dan penilaian risiko KKM, PKPD di kawasan ini boleh ditamatkan lebih awal," katanya pada sidang media semalam.

Sementara itu, mengenai aspek penguatkuasaan SOP Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Ismail Sabri berkata, polis kelmarin menahan 717 individu yang mana daripada jumlah itu 704 individu dikenakan kompaun, 11 ditahan reman dan dua individu dijamin.

Antara kesalahan mereka adalah gagal mematuhi arahan penjarakan fizikal (205), tidak memakai pelitup muka (118), premis beroperasi lebih masa (110), aktiviti pusat hiburan (103).

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : COVID-19

# Lima kawasan lanjut PKPD

Tindakan terpaksa diambil berikutan masih ada peningkatan kes jangkitan koronavirus

Oleh Ekhwan Haque  
Fazlul Haque  
ekhwan@hmetro.com.my

## Kuala Lumpur

Kerajaan melanjutkan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di lima kawasan susulan masih berlaku peningkatan kes positif Covid-19.

Menteri Kanan (Kluster Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, kawasan PKPD berkenaan masing-masing di Pangsa-puri Mutiara Kasih, Taman Khazanah Indah dan Kampung Sabah Baru di Lahad Datu, Sabah.

Menurutnya, PKPD di kawasan berkenaan yang sepatutnya tamat hari ini akan dilanjutkan sehingga 23 November ini.

"Selain itu, PKPD juga akan dilanjutkan di Plaza Hentian Kajang dan Putra Point, Nilai sehingga 24 November ini.

"Satu lagi kawasan yang akan dilanjutkan PKPD adalah Kampung Haji Baki di Kuching sehingga 24 November namun sekiranya keputusan saringan bagi kawasan ini diperoleh lebih awal dan penilaian risiko oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tiada kes positif maka PKPD akan ditamatkan lebih awal," katanya dalam sidang media, semalam.

Beliau berkata, perlanjutan PKPD di lima kawasan berkenaan dibuat selepas mesyuarat yang dijalankan semalam dan penilaian risiko oleh KKM kerana masih ada kes positif direkodkan.

Katanya, kerajaan menasihatkan penduduk di kawasan PKPD agar terus berpegang dan mematuhi setiap arahan yang dikeluarkan pihak berkuasa.

KAKITANGAN KKM melakukan ujian swab untuk saringan Covid-19 di Sekatan Jalan Raya (SJR) Bakai Polis, Bukit Yong, Pasir Puteh, Kelantan semalam.



Perlanjutan PKPD di lima kawasan itu dibuat selepas mesyuarat dijalankan semalam dan penilaian risiko oleh KKM kerana masih ada kes positif direkodkan"

Ismail Sabri

Selain itu, Ismail Sabri berkata, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Dr Zul-kifli Mohamad Al-Bakri akan mengumumkan prosedur operasi standard (SOP) pernikahan yang akan digunakan sepanjang tempoh PKPD di Wilayah Persekutuan.

Beliau berkata, negeri lain adalah tertakluk kepada kebenaran Sultan dan pihak berkuasa agama namun disarankan untuk mengikuti SOP yang diperkenalkan nanti.

"Pernikahan masih dibenarkan di pejabat agama Islam namun tiada majlis perkahwinan sepanjang PKPD ini.

"Bagi penganut agama lain, mereka masih boleh mendaftarkan perkahwinan di pejabat pendaftaran perkahwinan," katanya.

## Lapan kematian baharu dicatatkan semalam

**KUALA LUMPUR:** Sejumlah 1,345 pesakit semalam sembuh wabak Covid-19 iaitu lebih tinggi daripada 972 kes baharu dalam tempoh 24 jam di negara ini, menurut Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata ini menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sebanyak 29,579 kes manakala jumlah kes aktif dengan kebolehhajangan kini mencatat 11,308 kes.

Dr Noor Hisham berkata daripada 972 kes baharu semalam, 967 merupakan kes penularan dalam negara dan lima kes import dilaporkan.

"Bagi penularan tempatan, Sabah terus mencatatkan kes baharu tertinggi

dengan 370 kes, Negeri Sembilan mencatat 260 kes, Selangor (137), Wilayah Persekutuan Labuan (63), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (20), Perak (51) dan Pulau Pinang (34)," katanya.

Katanya, terdapat lapan kematian baharu akibat wabak itu, menjadikan jumlah keseluruhan maut, 294 kes.

Kes kematian ke-287, 288, 289, 290 dan kes kematian ke-291 semua melibatkan lelaki warga tempatan, manakala kes kematian ke-292 melibatkan perempuan warga tempatan, kes kematian ke-293 dan 294 merupakan perempuan bukan warga tempatan.

"Kematian ke-287 adalah individu 72

tahun dengan latar belakang penyakit jantung, kematian ke-288 adalah individu berusia 51 tahun dengan penyakit strok, kes kematian ke-289 individu berusia 53 tahun, kematian ke-290 pula merupakan pesakit dengan latar belakang penyakit jantung berlubang, Sindrom Down dan Hipotiroidisme.

"Kematian ke-291 pula individu berusia 66 tahun dengan penyakit darah tinggi, manakala kematian ke-292 merupakan individu 71 tahun dengan latar belakang penyakit darah tinggi dan katarak, kes kematian ke-293 berusia 55 tahun dan kematian ke-294 pula individu berusia 64 tahun dengan penyakit darah tinggi," katanya.

## 6 kluster baharu di Sabah, Lembah Klang, Putrajaya, Johor

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaporkan enam kluster baharu Covid-19 di Sabah, Lembah Klang, Putrajaya dan Johor, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, enam kluster baharu itu adalah Kluster Nahaba, Kluster Numbak, Kluster Perigi, Kluster Seri Terapi, Kluster Padang dan Kluster Harmoni.

Menurutnya, Kluster Nahaba membabitkan daerah Kota Belud di Sabah yang mana kes indeks bagi kluster ini iaitu kes ke-35,808 dikenal pasti positif Covid-19 hasil saringan individu bergejala pada 4 November lalu.

Menurutnya, saringan kontak rapat mengesan sebanyak 24 lagi kes positif Covid-19.

"Kluster Numbak memba-

bitkan daerah Kota Kinabalu, Sabah yang mana kes indeks bagi kluster ini iaitu kes ke-22,036 dikenal pasti positif Covid-19 hasil saringan kemusukin ke wad di Hospital Queen Elizabeth pada 17 Oktober lalu.

"Saringan kontak rapat mengesan sebanyak tujuh lagi kes positif Covid-19," katanya pada sidang harian Covid-19, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, Kluster Perigi pula memba-

bitkan daerah Kepong di Kuala Lumpur dan daerah Alor Gajah di Melaka yang mana kes indeks bagi kluster ini iaitu kes ke-18,667 dikenal pasti positif Covid-19 hasil saringan di tempat kerja pada 15 Oktober lalu.

"Saringan kontak rapat mengesan sebanyak 38 lagi kes positif Covid-19 yang mana semua kes dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh.

"Kluster Seri Terapi mem-

babitkan daerah Kepong di Kuala Lumpur dan daerah Alor Gajah di Melaka yang mana kes indeks bagi kluster ini iaitu kes ke-36,180 dikenal pasti positif Covid-19 hasil saringan individu bergejala pada 3 November lalu dan kes dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh," katanya.

Katanya, saringan kontak rapat mengesan sebanyak 11 lagi kes positif Covid-19.

"Sementara Kluster Padang membabitkan daerah Kota Tinggi di Johor yang

mana kes indeks bagi kluster ini iaitu kes ke-39,210 dikenal pasti positif Covid-19 hasil saringan individu bergejala pada 5 November 2020.

"Kluster Harmoni pula membabitkan Putrajaya yang mana kes bagi kluster ini dikenal pasti positif Covid-19 hasil saringan di tempat kerja 7 November lalu. Semua kes dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh," katanya.

AKHBAR : KOSMO  
 MUKA SURAT : 4  
 RUANGAN : NEGARA

Bayi berumur setahun antara lapan kematian dicatatkan semalam

## 1,345 pulih, tertinggi direkodkan

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

**PUTRAJAYA** – Sebanyak 1,345 individu sembuh dilaporkan semalam, tertinggi sejak pandemik Covid-19 melanda negara sekaligus menjadikan jumlah kes pulih sebanyak 29,576 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak 972 kes baharu dilaporkan semalam menjadikan jumlah keseluruhan kes yang dilaporkan meningkat kepada 41,181.

Menurutnya, lapan kes kematian dicatatkan semalam termasuk bayi lelaki berusia setahun yang mempunyai penyakit jantung berlubang, sindrom Down Hipotiroidisme dilaporkan meninggal dunia di Hospital Duchess of Kent di Sandakan, Sabah.

Lapan kes kematian semalam direkodkan di Sabah dan Labuan sekali gus menjadikan sebanyak 294 kes kematian terkini berkaitan Covid-19 yang dicatatkan di seluruh negara.

"Sabah merekodkan penurunan kes baharu berbanding kelmarin dengan 370 kes dilaporkan atau 38.1 peratus, manakala sebanyak 165 kes atau 17.0 peratus disumbangkan oleh negeri-negeri di Lembah Klang.

"Sebanyak 14 kes atau 1.4 peratus melibatkan Kluster PTS Tawau (enam kes) serta Kluster Penjara Sandakan dan Kluster Penjara Kepyayan dengan masing-masing empat kes dilaporkan," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Menurut Noor Hisham Abdullah berkata, satu daripada enam



**PENGUSAHA** premis makanan menjalankan kerja-kerja sanitasi bagi mengekang penularan wabak Covid-19 di Pekan Meru, Klang semalam. – ZULFADHLI ZAKI



Sabah merekodkan penurunan kes baharu berbanding kelmarin dengan 370 kes dilaporkan atau 38.1 peratus, manakala sebanyak 165 kes atau 17.0 peratus disumbangkan oleh negeri-negeri di Lembah Klang."

kluster baharu iaitu Kluster Naha di Kota Belud, Sabah dengan kes indeks saringan bergejala seterusnya, 24 lagi kes positif turut dikesan.

Katanya, berikutan itu, kes-kes semua kes telah dimasukkan ke

Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah Seri Bayu Pirasan, Kota Belud.

"Kluster Numbak pula di Kota Kinabalu iaitu kes indeks saringan kemasukan ke wad di Hospital Queen Elizabeth, seterusnya

tujuh lagi saringan kontak rapat dikesan positif dalam kluster ini.

"Sementara Kluster Perigi di Klang, Selangor iaitu kes indeks saringan di tempat kerja dah seterusnya, 38 lagi dikesan positif serta telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh," ujarnya.

Beliau berkata, satu lagi kluster baharu ialah Kluster Seri Terapi di Kepong, Kuala Lumpur dan Alor Gajah, Melaka melibatkan kes indeks saringan bergejala serta telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh dan susulan itu, 11 lagi kes positif dikenal pasti.

"Kluster baharu lain ialah



**Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam**

	Jumlah
- Kes baharu	972
<b>Import: 5 Tempatan: 967</b>	
- Pulih	1,345
- Kematian	8
- Masih dirawat	11,308
- Jumlah kes sembuh	29,579
- Jumlah Kematian	294
<b>Jumlah kes keseluruhan</b>	<b>41,181</b>

Kluster Padang di Kota Tinggi, Johor dengan kes indeks saringan bergejala dan susulan itu, empat lagi kes positif dikesan dan kesemuanya telah dimasukkan ke Hospital Bnche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang.

"Satu lagi kluster baharu ialah Kluster Harmoni di Putrajaya dengan kes kluster hasil saringan di tempat kerja melibatkan lima kes dan kesemuanya dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh," katanya.

Mengulas lanjut, Noor Hisham berkata, lima kes import yang dilaporkan semalam melibatkan dua warga Malaysia dan tiga warga asing tiba dari Filipina, Singapura dan Nepal.

Sementara itu, beliau berkata, satu lagi kluster disyitiharkan tamat semalam iaitu Kluster Bah Perdana di Kuala Lumpur.

## PKPD Kampung Sabah Baru, Lahad Datu bermula hari ini

Oleh NUR HUDA MUSA

**PETALING JAYA** – Kerajaan memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Sabah Baru, Lahad Datu, Sabah mulai hari ini.

Menteri Kan'an (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, keputusan itu dibuat atas nasihat serta penilaian risiko oleh Kemeterian Kesihatan (KKM) selepas 102 kes positif Covid-19 telah dikesan sehingga kelmarin.

"PKPD di Kampung Sabah Baru, Lahad Datu berkuat kuasa 10 November sehingga 23 November ini membabitkan 3,917 orang penduduk.

"Pelaksanaan PKPD bagi memudahkan KKM melaksanakan saringan bersasar sekali gus menyekat penularan kepada komuniti setempat," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Pada perkembangan lain, Ismail Sabri berkata, PKPD di Pangsapuri Mutiara Kasih dan Taman Khazanah Indah di Lahad Datu akan dilanjutkan 14 hari bermula esok hingga 23 November ini.

"Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan PKPD di Pangsapuri Mutiara Kasih dan Taman Khazanah Indah bermula 13 Oktober sehingga 26 Oktober, yang kemudian dilanjutkan lagi sehingga 9 November," ujarnya.

Tambahnya, PKPD yang dilaksanakan di Plaza Hentian Kajang,

Selangor, Putra Point, Nilai, Negeri Sembilan dan Kampung Haji Baki, Kuching, Sarawak dilanjutkan 14 hari bermula 11 hingga 24 November.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, KKM masih menunggu keputusan saringan kedua Covid-19 yang telah dilaksanakan di Kampung Baki, dan sekiranya keputusan saringan di kawasan itu didapati tiada kes positif, PKPD di kawasan tersebut boleh ditamatkan lebih awal.

Beliau berkata, dua PKPD yang ditamatkan membabitkan Felda Umas di Kalabakan yang berakhir semalam, dan Flat Sungai Emas, Jalan Emas 31, serta Jalan Emas 32 di Kuala Langat hari ini.



**PKPD Hentian Kajang, Selangor** dilanjutkan selama 14 hari bermula esok hingga 24 November ini.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

# Malaysia catat 1,345 kes pulih

Sebanyak 972 kes baharu dilaporkan semalam

## KUALA LUMPUR

Sejumlah 1,345 pesakit sembuh wabak koronavirus (Covid-19) semalam, lebih tinggi daripada jumlah kes baharu iaitu sebanyak 972 kes dalam tempoh 24 jam di negara ini, menurut Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.



DR NOOR HISHAM

Beliau berkata, ini menjadikan jumlah kumulatif kes pulih ialah sebanyak 29,579 kes, manakala jumlah kes aktif dengan kebolehan jangkitan kini mencatat 11,308 kes. Dr Noor Hisham berkata, dari-

pada 972 kes baharu semalam, sebanyak 967 merupakan kes penularan dalam negara dan lima kes import dilaporkan.

"Bagi penularan tempatan, Sabah terus mencatatkan kes baharu tertinggi dengan 370 kes, Negeri Sembilan mencatat 260 kes, Selangor (137), Wilayah Persekutuan Labuan (63), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (20), Perak (51) dan Pulau Pinang (34).

"Kedah dan Johor masing-masing mencatat lapan kes, Melaka dan Wilayah Persekutuan Putrajaya masing-masing merekodkan lima kes, Sarawak (empat) dan Kelantan dengan dua kes," katanya pada sidang akhbar di sini semalam. Sementara itu, terdapat lima kes

import yang mendapat jangkitan dari luar negara yang melibatkan dua warganegara dan tiga bukan warganegara yang tiba dari Filipina, (dua kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur); Singapura (dua kes di Johor) dan Nepal (satu kes di Selangor).

Beliau berkata, terdapat lapan lagi kematian baharu akibat wabak itu menjadikan jumlah keseluruhan maut ialah sebanyak 294 kes.

Kes kematian ke-287, 288, 289, 290 dan kes kematian ke-291 semua melibatkan lelaki warga tempatan, manakala kes kematian ke-292 melibatkan perempuan warga tempatan, kes kematian ke-293 dan 294 merupakan perempuan bukan warga tempatan.

Sehingga kini, terdapat 86 kes positif sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 31 daripadanya memerlukan bantuan pernafasan. - Bernama

## 'PKPB boleh dipendekkan'

PUTRAJAYA - Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang dilaksanakan di semua negeri di Semenanjung kecuali Perlis, Kelantan dan Pahang boleh dipendekkan daripada empat kepada dua minggu jika lengkung jangkitan Covid-19 berjaya diratakan lebih awal.


Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, langkah menghadkan pergerakan dari satu zon ke zon lain, daerah atau negeri adalah tindakan terbaik untuk membendung penularan virus, sekali gus memutuskan rantaian jangkitan.

"Selagi ada pergerakan, berlaku pendedahan dan risiko kepada jangkitan. Tidak akan kembali kepada keadaan asal, sebab ini adalah norma baharu kerana virus itu sudah ada dalam komuniti.

"Kita perlu hidup dengan virus dan kita perlu menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu dengan amalan dan pencegahan jangkitan untuk terus hidup," katanya di sini semalam. - Bernama


## SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

**Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia**




\* Dikemas kini pada jam 7 petang 9 November 2020

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 40,207 kes kepada 41,181 kes



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI				
JUMLAH KESELURUHAN	PULIH	ICU	KEMATIAN	KES BAHARU
41,181	29,579	86	294	+972



AKHBAR : UTUSAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : DALAM NEGERI

# Kes sembuh tertinggi 1,345, baharu 972

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM  
maisarah.rahim@mediamula.com.my

**PUTRAJAYA:** Walaupun kes positif Covid-19 meningkat sedikit berbanding kelmarin iaitu 972 kes, namun bilangan kes pulih merekodkan tertinggi iaitu sebanyak 1,345 kes sekali gus menjadikan jumlah kumulatif pulih sepenuhnya adalah 29,579 kes.

Bagaimanapun, jumlah kematian merekodkan lapan kes selain pertambahan enam lagi kluster baharu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah kes positif yang dilaporkan itu menjadikan jumlah kumulatif di negara ini sebanyak 41,181 kes, manakala jumlah kes aktif dengan kebolehhajangan pula 11,308 kes.

Beliau berkata, enam kluster baharu itu ialah Kluster Na-

haba melibatkan Kota Belud, Sabah (25 kes), Kluster Numbak di Kota Kinabalu, Sabah (lapan kes) dan Kluster Perigi di Klang, Selangor (39 kes).

Turut direkodkan, katanya, Kluster Seri Terapi di Kepong, Kuala Lumpur dan Alor Gajah, Melaka (12 kes), Kluster Padang, Kota Tinggi, Johor (lima kes) dan Kluster Harmoni di Putrajaya (lima kes).

"Sabah mencatatkan sebanyak 370 kes manakala negeri-negeri di Lembah Klang pula mencatatkan sebanyak 165 kes daripada jumlah keseluruhan kes positif.

"Sebanyak 14 kes adalah berkaitan kluster-kluster di Pusat Tahanan Sementara (PTS) dan penjara. Ini melibatkan Kluster PTS Tawau (enam kes), Kluster Penjara Sandakan dan Kluster Penjara Keparan masing-masing empat kes," katanya dalam sidang akhbar di sini, semalam.

Noor Hisham berkata, perkembangan kes positif di negeri-negeri lain pula, Negeri Sembilan (260 kes), Selangor (137 kes), Labuan (63 kes), Kuala Lumpur (20 kes), Perak (51 kes) dan Pulau Pinang (34 kes).

Selain itu, katanya, Kedah dan Johor mencatatkan lapan kes, Melaka dan Putrajaya masing-masing (lima kes), Sarawak (empat kes) dan Kelantan (dua kes).

Beliau menjelaskan, sehingga kini, terdapat 86 kes positif Covid-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) yang mana 31 kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Kluster Bah Perdana dimaklumkan tamat hari ini melibatkan Kuala Lumpur. Seramai 55 individu telah disaring yang mana sembilan kes dikesan positif dan baki 46 individu adalah negatif. Tiada kes kematian dilaporkan dalam kluster ini," katanya.

## Temco di Kg. Sabah Baru, Lahad Datu

**PUTRAJAYA:** Sebanyak 102 kes positif Covid-19 direkodkan di Kampung Sabah Baru, Lahad Datu, Sabah sekali gus memerlukan kawasan tersebut dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Secara Pentadbiran (Temco) bermula hari ini sehingga 23 November ini.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, perintah itu melibatkan 701 rumah dan seramai 3,917 penduduk.

Katanya, sehingga semalam, sebanyak 441 saringan dilakukan dan Kementerian Kesihatan akan terus melaksanakan saringan bersasar bagi menyekat penularan kepada komuniti setempat.

"Prosedur Operasi Standard (SOP) Temco ini sama seperti yang diumumkan sebelum ini kecuali kedai runcit dibenarkan beroperasi dari jam 6 pagi sehingga 6 petang, pasar (dua kali seminggu, 6 pagi sehingga 2 petang) bagi memberi peluang kepada penduduk membeli ba-

rang keperluan asas.

"Selain itu, seorang wakil daripada setiap keluarga dibenarkan untuk keluar daripada kawasan Temco untuk mengeluarkan duit daripada mesin ATM atau bank," katanya dalam sidang akhbar di sini semalam.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, Perintah Temco di Pangsapuri Mutiara Kasih dan Taman Khazanah Indah, Lahad Datu, Sabah dilanjutkan selama 14 hari lagi sehingga 23 November.

Katanya, ini termasuk Temco di Plaza Hentian Kajang, Hulu Langat, Selangor dan Putra Point Nilai, Negeri Sembilan turut dilanjutkan sehingga 24 November ini.

Walau bagaimanapun, beliau berkata, Temco di Kampung Haji Baki, Kuching, Sarawak masih menunggu keputusan saringan kedua Covid-19 yang telah dilaksanakan, justeru jika tiada kes positif, Temco di kawasan ini boleh ditamatkan lebih awal.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NEWS/NATION

EXCEEDING SABAH'S 370

# KLANG VALLEY, NEGRI RECORD THE MOST INFECTIONS

425 cases in  
Selangor, KL,  
Putrajaya and Negri

TEH ATHIRA YUSOF  
AND DHESEGAAN BALAKRISHNAN  
PUTRAJAYA  
news@nst.com.my

**T**HE total number of new Covid-19 cases in the Klang Valley and Negri Sembilan yesterday surpassed that of Sabah, raising fresh concerns over the pandemic situation in the states.

Of the nationwide total of 972 cases, the Klang Valley and Negri Sembilan recorded a combined total of 425. Of that number, 260 were from Negri Sembilan, 138 from Selangor, 22 from Kuala Lumpur and five from Putrajaya. Sabah, in comparison, regis-

tered 370 new cases.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, who announced this yesterday, said Negri Sembilan alone had 10 active clusters, which contributed to the rise in numbers.

"A total of 165 cases were recorded in the Klang Valley.

"Meanwhile, 14 cases involved clusters in temporary detention centres and prisons. These include the PTS Tawau cluster (six cases), Sandakan Prison cluster (four), and Kepayan Prison cluster (four)," he said at a press conference here.

Of the new cases, Dr Noor Hisham said five were imported, while 967 were local transmissions.

The Crisis Preparedness and Response Centre also reported eight Covid-19 fatalities, raising the death toll to 294.

"A total of 86 cases are in Intensive Care Units, with 31 requir-



People wearing face masks and following the standard operating procedure as they shop at the Seremban wet market yesterday. BERNAMA PIC

ing ventilator support," said Dr Noor Hisham.

He also announced the highest number of recoveries in the country to date at 1,345, bringing the total recoveries to 29,579.

He said six new Covid-19 clusters were detected, with the majority hailing from Sabah.

He said they were the Nabaha and Numbak clusters in Sabah (27 cases), Perigi cluster in Selangor (one), Seri Terapi cluster in Kuala Lumpur (one), Padang cluster in Johor (five) and Harmoni cluster in Putrajaya (five).

Dr Noor Hisham said the Conditional Movement Control Order (CMCO) enforced nationwide except in Perlis, Pahang and Kelantan was the best strategy to lower the R-naught (RO) value without disrupting the economy.

Reducing the RO, he said, was crucial to stem the tide of Covid-19 infections.

"R-naught (RO) is the infectivity rate. For example, if the RO value is 2, this means another 2,000 people will be infected with the virus in the next cycle.

"At the beginning of the third wave, our RO stood at 2.2. The CMCO in Sabah, Selangor, Putrajaya and Kuala Lumpur managed to bring down the RO from 2.2 to 1.5, and it is currently less than 1 (between 0.95 to 0.96).

"However, we need to increase our ground-level activity, including public health interventions and taking all precautionary measures, such as surveillance, to further bring the RO value down.

"We hope to bring it down to 0.6 or 0.5. That means, if we have 1,000 people infected now, only 500 people will be infected in the next cycle and the numbers can be subsequently lowered down."

He said although the country saw spikes in Covid-19 cases lately, the high number of new cases did not necessarily reflect the RO value.

"We saw spikes on Oct 24 and Oct 26 and this almost skewed the forecast that we have. But this was because we increased screenings in prisons, especially from the Kepayan cluster.

"On Nov 6, we recorded the country's highest daily Covid-19 cases (1,755) and almost reached an RO value of 1.5.

"But if this is true, that the RO is 1.5, then we should be seeing spikes along the same trajectory every day.

"So it was only one spike, and it was because we were doing screenings at Sandakan Prison and Temporary Detention Centre. The following day, the cases fell back to below 1,000. That actually shows that the CMCO is working.

"The CMCO implementation in Selangor was met with many objections at the beginning. But we said that it had to be done because the RO value was high and the state also has a high population density.

"Currently, we have six districts that are classified as red zones in Selangor.

"Two more districts will likely become red zones soon," he said, adding that the ministry's advice to implement the CMCO in Selangor proved to be timely.

'DON'T TAKE IT EASY'

## Stay vigilant, minister tells people in states not under CMCO

**KUALA LUMPUR:** Residents in states that have a relatively low number of Covid-19 cases, such as Perlis, Kelantan and Pahang, have been advised against taking it easy as there is always a possibility that cases could surge.

Senior Minister (Security Cluster) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said any state can turn into yellow or red zones if the standard operating procedures were taken lightly.

He cited Selangor, where the authorities had to lock down only the Klang subdistrict.

"Cases later began spreading all over Klang and Selangor. Now, almost all areas there are red zones.

"A similar situation happened in Negri Sembilan. Cases began

in Seremban and quickly spread to other areas. Now only Tampin is a green zone.

"People must remember that once the virus is in the community, it can spread to other areas," he said at a press conference yesterday.

Ismail Sabri, who is also senior defence minister, also announced that the Enhanced Movement Control Order (EMCO) had been extended in five locations for two more weeks due to the continued surge in Covid-19 cases.

He said the EMCO at the Mutiara Kasih public housing project and Taman Khazanah Indah in Lahad Datu would be extended to Nov 23, while the EMCO in Plaza Hentian in Kajang, Putra

Point in Negri Sembilan and Kampung Haji Baki in Sarawak will be extended to Nov 24.

For Kampung Haji Baki, he said, the EMCO could end earlier if the pending test results turned out negative.

The EMCO in Felda Umas Kalabakan in Sabah ended yesterday, while the one in the Sungai Emas Flats in Selangor will end today.

He said the government had agreed to impose the EMCO on Kampung Sabah Baru in Lahad Datu based on recommendations by the Sabah National Security Council and the Health Ministry.

He said the EMCO there would run from today to Nov 23.

A total of 441 people had been screened and 102 positive cases

were recorded on Sunday, he said.

Ismail Sabri also touched on Deepavali celebrations, and said the authorities would patrol housing areas to ensure SOP compliance, as they did during Hari Raya Aidilfitri.

"Only 20 people will be permitted to gather per house. If there are more and they flout the SOP, action will be taken."

Wedding ceremonies and other social gatherings, he said, were still not allowed in areas under the Conditional MCO.

He added that it was possible that only *akad nikah* ceremonies would be allowed.

This, he said, would apply first to Kuala Lumpur, whereas other states would require the consent

of the respective sultans.

The SOP governing the ceremony would be announced soon by Minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs) Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri.

The government, he said, was also scrutinising the SOP for the operation of childcare centres and kindergartens.

"We have asked Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Rina Harun to come up with the SOP.

"Previously, they were able to operate by complying with the SOP.

"We will also discuss the matter with the Public Service Department and International Trade and Industry Ministry."

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

## 972 new cases, eight fatalities reported

**KUALA LUMPUR:** The number of new Covid-19 cases rose again yesterday, but stayed below the 1,000 mark.

In the 24 hours leading up to noon yesterday, there were 972 new cases, according to Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Of the new cases, only five were imported. They comprised two Malaysians and three foreigners who had arrived from the Philippines, Singapore and Nepal.

Sabah continued to account for the bulk of new cases, with 370. Negri Sembilan recorded 260 new cases, while Selangor reported 137 cases yesterday.

The federal territory of Labuan had 63 cases, followed by Perak with 51, Penang with 34 and Kuala Lumpur with 20.

Kedah and Johor had eight new cases each, Malacca and Putrajaya five each while Sarawak recorded four cases and Kelantan, two.

Noor Hisham said six new clusters were detected yesterday in Sabah, Selangor, Kuala Lumpur, Malacca, Johor and Putrajaya.

For the first time in several days, the number of recoveries exceeded the number of new cases, with 1,325 patients discharged from hospital, bringing the

cumulative number of recoveries to 29,579.

However, the additional 972 infections brought the number of active cases to 11,308.

Another eight patients succumbed to the infection, bringing the death toll to 294.

Six of the eight were Malaysians and two were foreigners.

Most of them had a history of chronic illnesses such as heart disease, stroke, hypothyroidism and hypertension.

So far, 86 patients are receiving treatment in the intensive care unit, with 31 requiring ventilators, Noor Hisham added. - Bernama